



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1786

**AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN
(PINDAAN) 2026**

Tarikh Perkenan Diraja	10 Februari 2026
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	23 Februari 2026

Hakcipta Pencetak (H)
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1786

AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (PINDAAN) 2026

Suatu Akta untuk meminda Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Pindaan) 2026.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [*Akta 652*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan menggantikan takrif “kurikulum” dengan takrif yang berikut:

“kurikulum” ertinya kandungan suatu program latihan tersusun yang dijalankan oleh suatu penyedia latihan kemahiran berdasarkan Standard yang menunjukkan aktiviti yang dijalankan, masa yang diuntukkan bagi setiap aktiviti, dan turutannya;’;

(b) dengan menggantikan takrif “pentauliahan” dengan takrif yang berikut:

“pentauliahan” ertinya suatu tatacara yang berdasarkannya Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran berdasarkan Standard;’;

(c) dalam takrif “program bertauliah”, dengan menggantikan perkataan “program latihan” dengan perkataan “suatu program latihan kemahiran”; dan

(d) dalam takrif “Sijil”, dengan memasukkan selepas perkataan “kelayakan kemahiran” perkataan “atau pengiktirafan kemahiran”.

Pindaan seksyen 5

3. Subseksyen 5(1) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (c)—

(i) dengan menggantikan perkataan “sembilan” dengan perkataan “dua belas”;

(ii) dalam subperenggan (i), dengan menggantikan perkataan “Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri” dengan perkataan “Kementerian yang bertanggungjawab bagi ekonomi”;

(iii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan (viii);

(iv) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan (ix); dan

(v) dengan memasukkan selepas subperenggan (ix) subperenggan yang berikut:

“(x) seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat;

(xi) seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi pembangunan desa dan wilayah; dan

(xii) seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi pelaburan, perdagangan dan industri; dan”;

(b) dalam perenggan (d)—

(i) dengan menggantikan perkataan “sepuluh” dengan perkataan “sebelas”;

(ii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan (iii);

(iii) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (iv) dengan perkataan “; dan”; dan

(iv) dengan memasukkan selepas subperenggan (iv) subperenggan yang berikut:

“(v) seorang anggota mewakili Lembaga Teknologis Malaysia.”.

Pindaan seksyen 17**4. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (2)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

(ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) pemberian pengiktirafan kepada mana-mana program latihan lain di bawah seksyen 36A.”; dan

(b) dalam subseksyen (5), dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Penolong Kanan Pengarah” dengan perkataan “Penolong Pengarah Kanan”.

Pindaan seksyen 24**5. Seksyen 24 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “program latihan” dengan perkataan “program latihan kemahirannya”;

(b) dalam subseksyen (5), dengan memasukkan selepas perkataan “atau mana-mana pegawai daripada jabatan yang bertanggungjawab bagi pembangunan kemahiran” perkataan “atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Ketua Pengarah”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Penyedia latihan kemahiran hendaklah hilang kelayakan daripada memohon bagi pentauliah suatu program latihan kemahiran di bawah subseksyen (1) jika penyedia latihan kemahiran itu mempunyai program bertauliah sedia ada yang berkenaan dengannya sijil pentauliah telah digantung atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 29 atau 32, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan tempoh satu tahun dari tarikh kuat kuasa pengantungan atau pembatalan itu masih belum luput.”.

Pindaan seksyen 25

6. Perenggan 25(1)(a) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tiga tahun” dengan perkataan “tidak melebihi enam tahun”.

Pindaan seksyen 27

7. Perenggan 27(2)(a) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tiga tahun” dengan perkataan “tidak melebihi enam tahun”.

Pindaan seksyen 29

8. Seksyen 29 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Apabila menerima notis bertulis di bawah subseksyen (2), penyedia latihan kemahiran itu boleh membuat representasi bertulis kepada Ketua Pengarah dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu, menyatakan sebab mengapa sijil pentauliah berkenaan dengan program bertauliah itu tidak patut digantung atau dibatalkan.

(4) Selepas habis tempoh tiga puluh hari yang dinyatakan dalam subseksyen (3) atau selepas menimbangkan apa-apa representasi bertulis yang dibuat, Ketua Pengarah boleh—

- (a) mengeluarkan amaran dan memberikan arahan kepada penyedia latihan kemahiran supaya penyedia latihan kemahiran itu membetulkan, sehingga memuaskan hati Ketua Pengarah, perkara yang berkenaan dengannya cadangan penggantungan atau pembatalan itu berkait; atau
- (b) meneruskan dengan cadangan tindakan untuk menggantung atau membatalkan sijil pentauliahannya itu.

(5) Jika penyedia latihan kemahiran gagal untuk membetulkan perkara sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan (4)(a), Ketua Pengarah boleh meneruskan untuk menggantung atau membatalkan sijil pentauliahannya itu.

(6) Suatu notis bertulis mengenai keputusan Ketua Pengarah untuk menggantung atau membatalkan sijil pentauliahannya itu hendaklah disampaikan kepada penyedia latihan kemahiran jika tindakan penggantungan atau pembatalan dikenakan di bawah perenggan (4)(b) atau subseksyen (5).

(7) Penggantungan atau pembatalan sijil pentauliahannya di bawah seksyen ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah dalam notis bertulis yang disampaikan di bawah subseksyen (6).”.

Penggantian seksyen 34

9. Akta ini dipinda dengan menggantikan seksyen 34 dengan seksyen yang berikut:

“Penganugerahan Sijil

34. (1) Ketua Pengarah boleh menganugerahkan suatu Sijil kepada mana-mana orang yang menepati Standard berkenaan dengan kelayakan kemahiran yang berikut:

- (a) Sijil Kemahiran Malaysia;

- (b) Diploma Kemahiran Malaysia;
- (c) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia;
- (d) Sijil Kemahiran Modular Malaysia; atau
- (e) Penyata Pencapaian.

(2) Ketua Pengarah boleh menganugerahkan suatu Sijil kepada mana-mana orang yang menepati Standard berkenaan dengan pengiktirafan kemahiran yang berikut:

- (a) Pakar Kemahiran;
- (b) Pakar Kemahiran Kanan; atau
- (c) Perunding Kemahiran.”.

Bahagian baharu VIIA

10. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 36 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VIIA

PENGIKTIRAFAN PROGRAM LATIHAN LAIN

Pengiktirafan program latihan lain

36A. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Akta ini, Ketua Pengarah boleh, tertakluk kepada terma dan syarat yang difikirkannya sesuai, memberikan pengiktirafan kepada mana-mana program latihan lain yang tidak berasaskan Standard, yang dijalankan oleh mana-mana pertubuhan, badan atau organisasi, sama ada ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, bagi maksud pemberian pinjaman latihan kemahiran atau bantuan kewangan latihan kemahiran oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 [*Akta 640*].

(2) Permohonan bagi pengiktirafan program latihan lain di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat oleh pertubuhan, badan atau organisasi yang menjalankan program latihan itu kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Tiap-tiap permohonan di bawah seksyen ini hendaklah disertakan dengan dokumen, maklumat dan fi sebagaimana yang ditetapkan.

(4) Pada bila-bila masa selepas menerima permohonan bagi pengiktirafan di bawah subseksyen (2) dan sebelum ia diputuskan, Ketua Pengarah boleh melalui notis bertulis menghendaki pemohon supaya memberikan dokumen dan maklumat tambahan dalam tempoh yang ditentukan dalam notis itu.

(5) Jika dokumen dan maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (4) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh yang ditentukan atau apa-apa perlanjutan tempoh sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak diteruskan, tetapi tanpa menjejaskan hak pemohon itu untuk membuat suatu permohonan baharu.

(6) Bagi maksud pengiktirafan di bawah seksyen ini, Ketua Pengarah boleh menubuhkan suatu jawatankuasa penilaian dan pengiktirafan untuk menasihati dan membuat cadangan kepada Ketua Pengarah mengenai perkara yang berhubungan dengan pengiktirafan itu.

(7) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pengiktirafan yang diberikan di bawah subseksyen (1) jika pertubuhan, badan atau organisasi yang program latihannya telah diberikan pengiktirafan itu telah tidak mematuhi terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen itu.

(8) Bagi maksud seksyen ini, “Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran” ertinya Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004.”.

Pindaan seksyen 52

11. Seksyen 52 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “mengambil pelatih bagi” perkataan “atau menjalankan”.

Pindaan seksyen 54

12. Subseksyen 54(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “berhubung dengan sesuatu penyedia latihan kemahiran” perkataan “, Sijil atau program bertauliah”.

Pindaan seksyen 55

13. Subseksyen 55(1) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi dua puluh ribu ringgit” dengan perkataan “tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit”.

Pindaan seksyen 57

14. Seksyen 57 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “program latihan kemahiran” perkataan “atau bagi penganugerahan suatu Sijil”.

Pindaan seksyen 72

15. Subseksyen 72(2) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) tatacara, cara dan borang bagi penilaian pengiktirafan kemahiran;” dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(ca) tatacara, cara dan borang bagi permohonan bagi pengiktirafan kemahiran dan penganugerahan pengiktirafan kemahiran;

(cb) tatacara, cara dan borang bagi permohonan bagi pengiktirafan program latihan lain;”.